

Penggunaan Strategi Bacaan Terperinci Melalui Aplikasi Padlet

Melati Hallel

melati_hallel@schools.gov.sg

Noor Aisyah Buang


noor_aisyah_buang@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Si Ling

Abstrak

Kemahiran memahami teks dan menjawab soalan kefahaman amat penting dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) Bahasa Melayu. Murid didapati mengalami masalah menjawab soalan kefahaman subjektif bahagian interaksi penulisan. Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana murid dapat meningkatkan kebolehan mereka memahami teks kefahaman sekaligus membolehkan mereka menjawab soalan-soalan yang diberi. Murid didedahkan kepada Strategi Bacaan Terperinci dalam Pembelajaran Pemahaman melalui aplikasi *Padlet*. Strategi ini membantu murid mengenal pasti isi-isi penting dan kaitan isi dengan bukti serta mengenal pasti dan memahami perkataan-perkataan sukar. Dapatkan kajian menunjukkan murid dapat menilai jawapan mereka serta jawapan rakan dan berpeluang memperbaik jawapan mereka ketika menjawab soalan-soalan kefahaman.

Kata Kunci: kefahaman subjektif, interaksi penulisan, Strategi Bacaan Terperinci, *Padlet*



PENGENALAN

Membaca adalah salah satu kemahiran bahasa yang harus dibina untuk menjadikan murid seorang pengguna bahasa yang berkesan. Murid diharapkan bukan sahaja dapat membaca dengan baik tetapi dapat memahami dan menaakul bahan bacaan yang diberikan kerana tahap tertinggi kemahiran membaca ialah pemahaman. Kebolehan memahami bahan yang dibaca akan membantu murid dalam memberikan respons yang wajar semasa menjawab soalan-soalan kefahaman. Murid perlu memahami teks petikan yang dibaca. Sekiranya murid tidak memahami apa yang dibaca, murid tidak boleh dikatakan memiliki pemahaman membaca yang baik. Murid perlu tahu isi-isi utama serta makna-makna perkataan yang terdapat dalam teks bagi memahami kandungan teks yang dibaca. Kelemahan memahami isi teks yang dibaca ini akan menjadikan jawapan-jawapan kefahaman murid, sekali gus mempengaruhi markah yang diperoleh bagi komponen kefahaman.

Kajian ini dijalankan bagi membantu murid meningkatkan kelakonan mereka dalam komponen kefahaman subjektif. Penggunaan aplikasi *Padlet* memudahkan murid mengetengahkan isi-isi penting yang telah dikenal pasti serta jawapan-jawapan yang tepat bagi soalan-soalan kefahaman yang diajukan.

PERNYATAAN MASALAH

Kefahaman subjektif merupakan salah satu komponen dalam kertas Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) bagi subjek Bahasa Melayu. Kesukaran memahami teks dengan baik, kegagalan mengenal pasti idea-idea utama yang hendak disampaikan akibat penguasaan bahasa yang lemah dan pemahaman kosa kata yang terhad merupakan sebab-sebab komponen ini sukar dijawab murid. Malah murid gagal untuk memperoleh markah yang cemerlang dan perkara ini dapat dilihat daripada laporan Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah yang diberikan kepada setiap sekolah bagi menunjukkan data-data kelakonan murid yang menduduki peperiksaan tersebut setiap tahun.

Masalah ini perlu ditangani memandangkan peruntukan markah bagi komponen kefahaman subjektif adalah 25% bagi keseluruhan Kertas 2. Bagi membantu murid mengatasi kegagalan dalam menjawab dengan tepat bagi komponen ini, Strategi Bacaan Terperinci dalam Pembelajaran Pemahaman melalui aplikasi *Padlet* telah diperkenalkan dan diajarkan kepada murid.

Dengan menggunakan aplikasi *Padlet*, guru dapat mempelbagaikan aktiviti bagi menilai sejauh mana murid memahami teks yang telah diberikan. Aplikasi *Padlet* khususnya, membolehkan murid berkongsi jawapan mereka secara langsung dan dapat dilihat oleh rakan sedarjah, sekaligus menilai sama ada jawapan yang diberikan itu tepat atau sebaliknya. Gandingan aplikasi *Padlet* bersama Strategi Bacaan Terperinci menjadikan PdP di bilik darjah lebih menarik selain membantu meningkatkan pemahaman murid.


TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meninjau pemahaman membaca murid setelah mengaplikasikan Strategi Bacaan Terperinci secara aktif;
2. menilai keberkesanan Strategi Bacaan Terperinci dalam membina kemahiran murid mengenal pasti isi-isi utama teks yang dibaca; dan
3. menilai keupayaan murid menjawab soalan-soalan pemahaman dengan penggunaan Strategi Bacaan Terperinci dibantu dengan aplikasi *Padlet*.

KAJIAN LEPAS

Kajian ini menerapkan Strategi Bacaan Terperinci yang diutarakan oleh Dr Douglas Fischer dari *San Diego State University*. Beliau meneliti kepentingan membaca secara mendalam dalam kalangan pelajar muda, terutamanya kerana amalan ini menyokong pemahaman mendalam dan memupuk kemahiran berfikiran secara kritis. Menurut Dr. Fisher, langkah pertama dalam Strategi Bacaan Terprinci adalah untuk mengenal pasti tujuan pembacaan. Kajian menunjukkan bahawa memahami tujuan pembacaan adalah proses



metakognitif penting yang menyokong pemahaman pembaca teks (Paris, Wasik, & Turner, 1991).

Menurut beliau lagi, murid perlu meluangkan masa untuk menentukan tujuan penulisan . Dr. Fisher menerangkan bahawa walaupun beberapa latihan kognitif yang diperlukan untuk melibatkan diri dalam analisis sedemikian mungkin kelihatan rumit untuk murid, namun mereka sebenarnya cukup mampu, dan, menurut penyelidikan, menentukan maksud penulis adalah unsur utama pemahaman membaca (RAND Kumpulan Pengajian Membaca, 2002).

Dalam menggunakan Strategi Bacaan Terperinci, bacaan sesebuah teks dilakukan sebanyak tiga kali. Langkah ini menolong murid membina skema memandangkan soalan-soalan yang diketengahkan bergantung kepada teks yang dibaca oleh murid(Fisher & Frey, dalam akhbar, Pearson & Johnson, 1978).

Skema yang dibina akan membantu murid mengingati, memahami dan memasukkan maklumat baharu yang mereka peroleh ke dalam konteks yang bermakna sekali gus menjawab soalan-soalan yang diajukan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menerapkan penggunaan Strategi Bacaan Terperinci yang telah dikaji keberkesanannya oleh Dr Douglas Fischer. Strategi ini membantu mendalami pemahaman murid terhadap teks kefahaman yang dibaca dengan lebih berstruktur melalui anotasi teks. Dalam mengaplikasikan strategi ini, guru dapat mempelbagaikan instrumen kajian yang digunakan serta tujuan yang ingin guru lihat dalam pemahaman murid.

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 26 orang murid Darjah 4 Bahasa Melayu, 10 murid lelaki dan 16 murid perempuan yang berada pada aras kebolehan dan melebihi aras kebolehan. Secara umum, murid mempunyai kemahiran membaca. Namun murid tidak gemar menjawab soalan kefahaman disebabkan oleh kesukaran

untuk memahami teks yang dibaca. Penerapan Strategi Bacaan Terperinci yang memerlukan murid untuk mengulangi bacaan serta menganotasi teks membantu murid membina skema dalam minda mereka agar mereka dapat memahami, mengingati serta memproses maklumat yang baharu diperolehi. Penyerapan ICT, khususnya aplikasi *Padlet*, menjadikan pengajaran kefahaman serta aspek penilaian lebih menarik untuk murid.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan ujian diagnostik untuk melihat perbezaan pencapaian murid. Kertas praujian yang sama telah diberikan bagi meneliti kelakonan murid selepas Strategi Bacaan Terperinci dijalankan.

Menurut Mundrake (2000), penilaian dan ujian ialah terma-terma yang digunakan untuk menunjukkan hasil proses pendidikan. Ada sesetengah pengkaji yang menyatakan bahawa tujuan penilaian dan ujian bertujuan memberikan maklum balas kepada murid sejauh mana perkembangan dan pencapaian mereka dalam sesuatu pembelajaran dan bagi guru pula sejauh mana keberkesanan pengajaran yang dijalankan.

Dalam menjalankan pengajaran kefahaman, guru telah menggunakan *portal SLS*. Portal SLS ini membolehkan semua murid mendapat akses yang sama kepada bahan pembelajaran yang telah disediakan oleh guru. Selain itu, guru dapat membimbing murid ke arah pembelajaran kendiri.

Penggunaan aplikasi *Padlet* memudahkan murid berkongsi idea mahupun jawapan mereka di tembok yang sama, lantas menjadikannya satu alat yang baik untuk tujuan kolaborasi. Murid dapat belajar antara satu sama lain melalui jawapan yang diletakkan pada tembok atau papan *Padlet* mereka. Murid teruja untuk mendapatkan jawapan yang tepat memandangkan jawapan tersebut dapat dilihat oleh rakan sedarjah. Bagi guru, aplikasi *Padlet* memberi penilaian secara langsung terhadap permahaman murid terhadap teks yang telah dibaca. Guru dapat menilai sekaligus membetulkan jawapan murid pada ketika itu.



Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama 6 minggu, 1 jam 30 minit setiap minggu diperuntukkan bagi penggunaan Strategi Bacaan Terperinci dalam pengajaran kefahaman. Dalam menjalankan kajian ini, rancangan pengajaran yang disediakan telah menerapkan elemen STP. Berdasarkan langkah-langkah pengajaran, aspek pengajaran yang berbeza telah dikenal pasti dan aspek pengajaran yang bersesuaian telah diterapkan dalam pembelajaran seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Elemen Amalan Pengajaran Singapura STP)

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP14: Merangsang Minat	AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Guru menggunakan cerita dan imejan mengenai keluarga bagi merangsang minat murid sambil mencungkil pengetahuan sedia ada mereka.
	AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar	AM3: Pelibatan Menerusi Kerjasama dan Interaksi Guru menggunakan Padlet bagi menggalakkan murid berkongsi pandangan dan idea bersama teman-teman.
Penilaian dan Maklum Balas	AP24: Menyediakan Tugasan yang Bermakna	AM3: Latihan untuk Menguasai Guru menyediakan tugas latihan kefahaman untuk dilengkapkan murid di rumah bagi mengukuhkan pemahaman mereka mengenai topik yang telah diajarkan.

Semasa penyediaan pengajaran dilakukan, antara Aspek Pengajaran (AP) yang telah diterapkan adalah AP 9, Merancang Soalan-soalan Utama. Di sini guru telah merancang soalan-soalan utama bagi mencungkil maklumat

dan pengetahuan sedia ada murid. Guru ingin menekankan tema dalam petikan yang telah disediakan.

Guru juga ingin merangsang minat murid. Guru telah menggunakan cerita dan imejan yang berkaitan dengan keluarga untuk mengenalkan tema petikan yang diberikan.

Seterusnya guru memastikan murid melibatkan diri sepanjang pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan. Guru juga memastikan secara sedar mewujudkan peluang untuk murid bekerjasama, berinteraksi dan belajar melalui penyertaan aktif. Guru menggunakan alat ICT yakni aplikasi *Padlet* untuk melibatkan pelajar. Aplikasi *Padlet* ini membantu mencapai hasil pembelajaran dan membolehkan aktiviti lintasan galeri dijalankan.

Di sepanjang PdP, murid diminta berkongsi dengan rakan akan kepentingan dan kerelevan tungasan yang diberikan. Latihan untuk menguasai pula merupakan aktiviti mengajar di mana murid gunakan informasi yang dicungkil daripada tungasan yang telah dilengkapkan untuk meluaskan pembelajaran. Guru menutup pelajaran dengan mengimbas kembali dan mengulas pelajaran pada hari itu. Murid diberi tungasan bagi menyelesaikan kefahaman subjektif sebagai tungasan di rumah.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membentangkan analisis dapatan kajian secara kuantitatif bagi 26 orang murid yang dilihat daripada Jadual 1.



Jadual 1: Penganalisisan Markah Praujian Dan Pascaujian Murid

Subjek Kajian	Markah PraUjian (10 markah)	Markah PascaUjian (10 markah)	Perbezaan Markah	Peratusan Peningkatan %
P01	6	10	+4	40
P02	5	7	+2	20
P03	4	7	+3	30
P04	3	5	+2	20
P05	5	9	+4	40
P06	3	6	+3	30
P07	5	8	+3	30
P08	4	7	+3	30
P09	7	10	+3	30
P10	3	7	+4	40
P11	4	6	+2	20
P12	5	7	+2	20
P13	4	6	+2	20
P14	6	9	+3	30
P15	5	7	+2	20
P16	4	7	+3	30
P17	3	7	+4	40
P18	5	8	+3	30
P19	6	7	+1	10
P20	8	10	+2	20
P21	7	10	+3	30
P22	6	9	+3	30
P23	5	8	+3	30
P24	5	7	+2	20
P25	5	8	+3	30
P26	7	9	+2	20



Berdasarkan pencapaian keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa 26 murid iaitu 100% telah mencapai markah yang lebih baik dalam pascaujian berbanding markah yang diperoleh dalam praujian. Ini jelas menunjukkan bahawa Penggunaan Strategi Bacaan Terperinci yang diajarkan telah berjaya meningkatkan prestasi murid dalam menjawab soalan-soalan kefahaman.


Jadual 2 menunjukkan peratusan murid yang lulus dalam praujian dan pascaujian.

Jadual 2: Taburan Markah Praujian Dan Pascaujian

Butiran	Praujian			Pascaujian		
	Julat Markah	0-4	5-7	8-10	0-4	5-7
Bilangan Murid	9	16	1	0	14	12
Peratusan	34.61%	61.53%	3.8%	0%	53.84%	46.15%

Jadual 2 menunjukkan bahawa 100%, iaitu 26 murid telah lulus dalam pascaujian berbanding dengan 65.37%, iaitu 17 murid yang lulus dalam praujian seperti yang dilihat dalam Jadual 2. Jumlah murid yang berada pada julat 8-10 markah juga meningkat ke 12 orang dalam pascaujian berbanding dengan seorang murid sahaja dalam praujian. Perbezaan peratusan peningkatan sebanyak 42.31% telah diraih dalam pascaujian.

Rajah 1: Taburan Markah Murid




Rajah 1 menunjukkan perbandingan markah antara markah praujian dengan markah pascaujian yang diperoleh setiap murid. Secara keseluruhan, semua murid berjaya memperoleh peningkatan markah. Walaupun hanya 4 orang murid yang berjaya mendapat markah penuh sebanyak 10 markah, namun peningkatan keseluruhan sangat memberangsangkan. Strategi Bacaan Terperinci melalui aplikasi *Padlet* telah dengan jayanya membantu pemahaman murid terhadap teks yang dibaca.

Dapatkan kajian yang dijalankan menunjukkan peningkatan dari segi kuantitatif dan kualitatif. Ia juga menunjukkan murid berjaya menguasai kemahiran pemahaman membaca teks dengan penggunaan Strategi Bacaan Terperinci yang dibantu dengan penggunaan aplikasi *Padlet*. Rajah 2 hingga 4 menunjukkan contohan murid dalam pembelajaran menggunakan Strategi Bacaan Terperinci.

Rajah 2: Contohan Kerja Murid Menganotasi Teks Petikan Pemahaman

<p>Petikan Karangan Latihan menganotasi teks</p> <p>Cikgu Siti dikenali sebagai seorang murid yang pandai dalam pelajarannya. Namun, pada masa yang sama, dia sering membuat guru-guru yang mengajarnya marah terhadap dirinya. Semenjak sekolah buka, Hakai tidak henti-henti membuat Cikgu Siti marah. Cikgu Siti <u>mengatakan</u> kepada Hakai, "Cikgu Siti telah merasakan perasaan marahnya semenjak sekolah buka. Kim Cikgu Siti sudah tidak dapat merasakan rasa marahnya sememangnya."</p> <p>"Mengapa awak bermani-manis semasa saya mengajar, Hakai?" Bukanlah awak sepatutnya memberikan <u>j�awab</u> pada pelajaran awak?" tanya Cikgu Siti.</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> Hakai tidak menjawab. Dia malu tetapi dia tahu dia telah melakukan satu kesalahan. Dia meminta maaf dan berjanji tidak akan melakukan perkara itu lagi.</p> <p><input checked="" type="checkbox"/> "Bakalah, Hakai. Hakai memang nakal dan selalu dimarahi. Cikgu Siti kesal dengan sikap Hakai yang adakalanya itu ketika dia sedang mengajar."</p> <p>"Bakalah, Hakai. Saya akan memarahi awak. Jangan ulangi perbuatan itu lagi," nasihat Cikgu Siti.</p> <p>Hakai tidak menjawab. Dia hanya <u>menganggukkan kepala</u> sambil mengelap air matanya.</p> <p style="text-align: right;">SEKIAN</p>	<p>Petikan Karangan Latihan menganotasi teks</p> <p>Hakai dikenali sebagai seorang murid yang pandai dalam pelajarannya. Namun, pada masa yang sama, dia sering membuat guru-guru yang mengajarnya marah terhadap dirinya. Semenjak sekolah buka, Hakai tidak henti-henti membuat Cikgu Siti marah. Cikgu Siti <u>mengatakan</u> kepada Hakai, "Cikgu Siti telah merasakan perasaan marahnya semenjak sekolah buka. Kim Cikgu Siti sudah tidak dapat merasakan rasa marahnya sememangnya."</p> <p>"Mengapa awak bermani-manis semasa saya mengajar, Hakai?" Bukanlah awak sepatutnya memberikan <u>j�awab</u> pada pelajaran awak?" tanya Cikgu Siti.</p> <p>Hakai tidak menjawab. Dia malu tetapi dia tahu dia telah melakukan satu kesalahan. Dia meminta maaf dan berjanji tidak akan melakukan perkara itu lagi.</p> <p>Cikgu Siti terdiam sebentar. Hakai memang nakal dan selalu dimarahi. Cikgu Siti kesal dengan sikap Hakai yang adakalanya itu ketika dia sedang mengajar.</p> <p>"<u>Tak berbalah</u> dan <u>tidak nasihat</u> Cikgu Siti."</p> <p>Hakai tidak menjawab. Dia hanya menganggukkan kepala sambil mengelap air matanya.</p> <p style="text-align: right;">SEKIAN</p>
--	---

Rajah 3: Kad Simbol Anotasi Bagi Membantu Proses Menganotasi Petikan



Rajah 4: Contohan Jawapan Murid Menerusi Aplikasi Padlet

The screenshots illustrate a digital communication platform where students interact with a post about reading comprehension. The first screenshot shows a student named Rika posting a question about reading comprehension. The second screenshot shows another student, Hafiz, responding to Rika's post. The third screenshot shows a third student, Dian Putera, also responding to the same post.

Rika
Hai kak, mau cerita tentang teknik pembacaan yang benar

Hafiz
Hai kak, mau cerita tentang teknik pembacaan yang benar

Dian Putera
Hai kak, mau cerita tentang teknik pembacaan yang benar

KESIMPULAN

Guru perlu memainkan peranan yang lebih aktif sebagai fasilitator ketika menjalankan pengajaran kefahaman menggunakan Strategi Bacaan Terperinci terutama ketika membimbing murid menganotasi teks. Murid yang kurang biasa dengan manganotasi teks akan mendapatkan sukar untuk mengikuti pengajaran guru, pada awalnya. Penjelasan guru perlu dalam menerangkan

kehendak soalan. Penggunaan aplikasi *Padlet* pula membolehkan murid berkongsi jawapan mereka serta menilai jawapan rakan sedarjah yang lain. Langkah ini memberi motivasi kepada murid untuk mendapatkan jawapan yang tepat.

Kaedah Penggunaan Strategi Bacaan Terperinci melalui aplikasi *Padlet* yang diterapkan dalam PdP pemahaman ternyata mampu meningkatkan tahap pemahaman membaca dalam kalangan murid sekolah rendah. Dapatan kajian dengan jelas menunjukkan peningkatan kuantitatif dan kualitatif, sekaligus memberikan pernyataan yang jelas tentang keberkesanan strategi yang diterapkan.

RUJUKAN

Marohaini Yusof (1989). *Strategi pengajaran bacaan dan kefahaman*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.

Henning D.G. (1993). *Reading with meaning*. New Jersey: Prentice Hall. **Jurnal**

Abdul Ghafar M.C. (1993). Meningkatkan Keberkesanan Dalam Penulisan Pembacaan, dan Pemahaman. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

A Close Look at Close Reading. Dipetik pada 21 Ogos 2019 dari https://nieonline.com/tbtimes/downloads/CCSS_reading.pdf

How To Do A Close Reading – We Are Teachers. Dipetik pada 3 Ogos 2019 dari <https://www.weareteachers.com/strategies-for-close-reading>

Tahap Penggunaan Strategi Bacaan dalam Aktiviti. Dipetik pada 14 September 2019 dari <http://ejournal.ukm.my/jpend/article/download/43.03-06/8951>